

# Sorok tong ikan hidup celah tong ikan sejuk beku

HM 03/07/24 ml 5

**Iskandar Puteri:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menggagalkan cubaan sebuah lori yang membawa keluar satu tong berisi ikan hidup ke Singapura.

Pengarah Maqis Johor Edie Putra Md Yusof berkata, ia hasil pemeriksaan dijalankan pegawai penguatkuasanya di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Gelang Patah di sini, pada jam 3.45 petang kelmarin.

“Hasil pemeriksaan menemukan lebih kurang enam kilogram (kg) ikan kerapu, ikan merah (6 kg) dan empat kilogram ikan jenahak dianggarkan bernilai RM745.

“Semua ikan itu diletakkan dalam satu tong bercampur yang disorok di celah tong lain berisi ikan sejuk beku.

“Tong ikan hidup itu cuba dibawa keluar tanpa permit eksport Maqis di laluan lori eksport.

“Hasil pemeriksaan lanjut mendapati ikan hidup berkenaan cuba dibawa keluar tanpa sebarang pengikraran betul dan di-

tahan untuk tindakan lanjut.

“Pemandu lori dan kelinan masing-masing berusia 24 dan 22 tahun dibebaskan selepas diambil keterangan dan siasatan dijalankan,” katanya dalam kenyataan media di sini, semalam.

Menurut Edie Putra, perbuatan mengeksport apa-apa jenis keluaran pertanian tanpa permit eksport Maqis adalah kesalahan mengikut Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta yang sama.

“Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 6 tahun atau kedua-duanya sekali.

“Pihak Maqis sentiasa komited menjalankan penguatkuasaan di pintu masuk ini bagi menjamin keselamatan keluaran pertanian yang keluar dari dalam negara dan mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan kerajaan,” katanya.



IKAN hidup yang dirampas Maqis Johor dalam pemeriksaan di Kompleks Sultan Abu Bakar.